

**TEKS UCAPAN  
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MINGGU ANTIRASUAH DENGAN KEMPEN  
'MAHASISWA BITARA BENCI RASUAH'**

**20 Julai 2024 / 8.30 pagi  
Dewan Auditori**

Dewan Kuliah FTKIP

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

## **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

1. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnianya, dapat kita bersama-sama dalam program yang dinamakan sebagai program **kempen “Mahasiswa Bitara Benci Rasuah”**. Saya telah dimaklumkan bahawa program ini dianjurkan selama 3 hari bermula 19 Julai

hingga 21 Julai 2024 dan merupakan program yang julung-julung kali diadakan. Alhamdulillah bagi penganjuran ini UTeM telah diangkat sebagai tuan rumah yang pertama dikalangan IPT di negeri Melaka.

**Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian**

2. Terlebih dahulu, bagi pihak tuan rumah iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya ingin **merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak SPRM, IPT Negeri Melaka dan semua yang terlibat** dalam menjayakan program ini. Saya yakin, penganjuran program seumpama ini amat bermanfaat kepada kita semua, khususnya dalam usaha kita untuk memberi

kedaran kepada generasi muda hari ini, tentang kepentingan menjaga integriti terutama dalam usaha membasmi rasuah bermula dari akar umbi.

3. Seperti yang diketahui umum, Mahasiswa adalah tunjang negara, bagaimana perilaku mahasiswa hari ini adalah cerminan kepada situasi negara bagi dekad yang mendatang. Oleh itu, dalam menjulang dasar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tentang pemerksaan mahasiswa, wujudnya kem ini merupakan " satu **menifestasi menyebarkan mesej 'anti rasuah' kepada seluruh mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di negeri Melaka.** Hal ini kerana sesebuah institusi pengajian tinggi

adalah saluran asas dalam pembentukan sikap, nilai murni dan integriti seseorang individu dalam melahirkan sesebuah masyarakat yang harmoni dan dinamik. Mahasiswa sebagai belia negara perlu berani menyahut cabaran membenci rasuah sebagai benteng untuk mempertahankan amanah, menegakkan kebenaran dan keadilan sekaligus menjadikan negara bebas dari rasuah.

4. Di kesempatan ini, saya ingin turut memberi nasihat kepada para mahasiswa yang merupakan peserta kem kali ini terutama dalam pembentukan jati diri ke arah membasmi rasuah. Yang pertama, adalah kita harus berfikiran rasional, jangan kerana dek keadaan atau

kesenangan sementara yang hadir dari menerima rasuah, kita **“gelap mata”**. Fikirlah secara matang dan fikir masak-masak implikasi hukuman yang akan diterima kelak amatlah buruk.

5. Kedua adalah kita perlu berani menghadapi musuh utama negara. Dan dalam Konteks kita, “musuh” kita adalah rasuah. Jadi apabila kita ditawarkan rasuah, jangan pula kita terima, mahupun berdiam diri, Kita perlu **berani untuk menentang di saluran yang betul**. Berdiri tegaknya SPRM hari ini di Malaysia adalah bukti yang Suruhanjaya ini adalah saluran yang paling tepat dalam menghapuskan rasuah di Malaysia.

## **Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian**

6. Program ini juga merupakan satu platform untuk **menyatukan dan meningkatkan kerjasama dan koordinasi di antara pegawai SPRM, pihak IPT dan mahasiswa**. Saya turut dimaklumkan, aktiviti yang akan dijalankan adalah dirancang bagi menghasilkan satu kesedaran terhadap keburukan gejala rasuah yang berlaku pada masa kini.

7. Melihatkan kepada keadaan negara pada masa kini, **Pihak SPRM melalui Kelab Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) telah menganjurkan berbagai-bagai program anti**


**rasuah supaya mahasiswa IPT Negeri Melaka memahami konsep rasuah dengan lebih jelas.** Justeru, diharapkan agar program kempen 'Mahasiswa Bitara Benci Rasuah' ini berjalan dengan lancar dan berjaya penganjurannya seperti yang dihasratkan.

8. Mungkin ada yang bertanya apa relevannya program ini dianjurkan di kalangan mahasiswa? Sebenarnya **mahasiswa merupakan golongan yang paling penting dalam memastikan satu revolusi budaya anti rasuah dapat diwujudkan.** Anda semua merupakan pemimpin di masa hadapan dan juga merupakan pemutus rantaian budaya rasuah yang berlaku pada masa kini. Melentur

buluh biarlah dari rebungunya. Inshaallah sekiranya kesedaran ini ditanamkan awal, kami percaya budaya anti rasuah secara total akan dapat dilahirkan.

9. Akhir kata, pihak saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada pihak SPRM, pihak IPT Negeri Melaka, pihak Urusetia, Para mahasiwa merangkap peserta kem pada minggu ini dalam menjayakan minggu anti rasuah kempen “Mahasiswa Bitara Benci Rasuah” kali ini. Sekali lagi, diharapkan objektif program ini untuk mencapai matlamat melahirkan individu berketerampilan dan anti rasuah dalam kalangan

mahasiswa IPT Negeri Melaka akan tercapai dengan jayanya seperti dihasratkan.



Makan cili pedas membara  
Lantas diteguk air segelas  
Dunia ini hanya sementara  
Akhirat kelak pasti dibalas

Sekian, وَبِاللَّهِ تَوَكَّلْتُ walhidayah, وَاللَّهُ يَتَّقِي wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih